

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

NOVEMBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

NOR HIZZA BINTI ZAZALI


Bertajuk

**LAPORAN KAJIAN AKHIR CADANGAN MENAIKTARAF REKABENTUK DALAMAN
LUMUT COUNTRY RESORT DI NO 331 JALAN TITI PANJANG, 32200 LUMUT,
PERAK DARUL RIDZUAN.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

:

 3/11/09

En. Mohamed Nizam Abd Aziz

Koordinator Kursus

:

Pn Azizah Binti Md Ajis

Koordinator Program

:

Prof Madya Dr Mohd Sabrizaa Bin Abdul Rashid

ABSTRAK

Cadangan menaik taraf rekabentuk dalaman Lumut Country Resort di No. 331 Jalan Titi Panjang, 32 200 Lumut, Perak Darul Ridzuan merupakan projek semester akhir Diploma Rekabentuk Dalaman. Lumut Country Resort merupakan sebuah *resort* pertama beroperasi di daerah Lumut sejak Mei 1984. Namun begitu, setelah beroperasi selama lebih dua puluh tahun, keadaan *resort* berada dalam keadaan yang kurang baik terutamanya dari segi imej, suasana, keperluan ruang, dan aliran pergerakan ruang dalaman. Cadangan menaik taraf yang dijalankan bertujuan memperbaiki imej dan identiti *resort* agar lebih terampil sebagai sebuah *resort*, memperbaharui keperluan ruang dalaman, serta memperbaiki aliran pergerakan melalui susunatur rekabentuk dalaman. Kaedah kajian projek yang dijalankan terbahagi kepada tiga fasa iaitu fasa pertama, fasa kedua, dan fasa ketiga. Fasa pertama menerangkan tentang fokus kajian, klien dan masalah cadangan menaik taraf. Fasa kedua pula merupakan kajian kes beberapa resort sebagai rujukan rekabentuk. Kajian tapak serta kajian bangunan sedia ada juga dilaksanakan untuk mengkaji kedudukan lokasi tapak dan struktur bangunan dengan lebih mendalam lagi agar sebarang kekeliruan dapat dielakkan. Fasa ketiga pula lebih tertumpu kepada cadangan kajian projek yang dijalankan. Cadangan rekabentuk yang dijalankan melalui beberapa proses skema rekabentuk. Menerusi beberapa kajian dan analisa yang dijalankan, konsep cadangan rekabentuk yang dipilih ialah *Integration*. Konsep ini mengaitkan beberapa elemen alam semula jadi sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi suasana persekitaran. Oleh itu, imej tropikal telah dipilih sebagai imej cadangan rekabentuk projek yang dijalankan. Konsep dan imej yang dipilih mempunyai keserasian yang bakal diterapkan melalui cadangan rekabentuk. Susunatur ruang yang diadaptasikan berlandaskan konsep dan imej harus menyelesaikan masalah yang ada bagi mencapai objektif rekabentuk yang telah disenaraikan di awal cadangan projek. Oleh itu, kajian projek yang dijalankan perlu mencapai matlamat dan objektifnya bagi menjayakan sesebuah kajian projek.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Foto	viii
Senarai Rajah	xv
Senarai Jadual	xvi
Senarai singkat kata	xvi

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1	PENGENALAN	1
1.2	METADOLOGI KAJIAN	5
1.2.1	Fasa Pertama	5
1.2.2	Fasa Kedua	6
1.2.3	Fasa Ketiga	7
1.3	MATLAMAT KAJIAN	9
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	10
1.5	SKOP KAJIAN	11
1.6	HALANGAN KAJIAN	12
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	13

BAB 2.0	KLIEN	
2.1	LATAR BELAKANG	14
2.2	CARTA ORGANISASI	15
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	16
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	18
BAB 3.0	KAJIAN DAN ANALISA	
3.1	ANALISA TAPAK	19
3.1.1	Latar Belakang tapak	19
3.1.2	Lokasi Tapak	20
3.1.3	Laluan Masuk	23
3.1.4	Bangunan Berdekatan dan Sekeliling Tapak Projek	24
3.1.5	Kemudahan di Persekitaran Tapak Cadangan	29
3.1.6	Kemudahan Meletak Kenderaan	
3.1.7	Kemudahan Pengangkutan Awam	27
3.1.8	Orientasi Matahari dan Angin	27
3.2	ANALISA BANGUNAN SEDI ADA	38
3.2.1	Latar Belakang Bangunan	39
3.2.2	Struktur Bangunan	41
3.2.3	Kemasan Bangunan	46

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan kajian menjadi asas utama dalam pelaksanaan sesuatu projek bagi melengkapikan proses rekaan. Kajian projek yang dijalankan memberi impak secara menyeluruh melalui laporan yang dihasilkan kerana setiap inci maklumat dihuraikan selengkapnya. Huraian yang jelas dan tepat menjadi bukti bahawa projek yang dijalankan berlandaskan proses yang komprehensif dan benar. Pelajar dapat menyusun maklumat dengan sistematik menerusi beberapa sumber yang diperolehi khususnya secara lisan dan bertulis kerana penilaian beberapa perkara ini mampu melunaskan cabang maklumat yang telah tersedia. Secara amnya, setiap kajian projek yang dijalankan haruslah dianalisa dari masa ke semasa bagi menyempurnakan penulisan laporan mengenai kajian projek yang dijalankan.

Cadangan menaik taraf 'Lumut County Resort' merupakan kajian projek yang dijalankan bagi projek semester akhir Reka Bentuk Dalaman. Kajian projek dipilih berdasarkan kepentingan pusat peranginan sebagai salah sebuah destinasi percutian yang sentiasa mendapat perhatian umum terutamanya di kawasan yang menjalankan sektor perlancongan seperti di daerah Lumut. Seajar dengan matlamat Majlis Perbandaran Manjung, Perak untuk menjadikan daerah di bawah seliannya sebagai Bandar Perlancongan dan Maritim, Lumut berpotensi berkembang lebih pesat dalam sektor perlancongan selain menjadi tumpuan pelancong kerana menjadi laluan utama ke Pulau Pangkor.